

09/09/1999

`Pindaan tuduhan tidak boleh dipertahan'

KUALA LUMPUR, Rabu - Mahkamah Tinggi di sini hari ini diberitahu bahawa pihak pendakwa gagal membuktikan kes liwat ke atas Datuk Seri Anwar Ibrahim dan adik angkatnya, Sukma Darmawan Sasmitaat Madja, mengatasi keraguan munasabah seperti yang ditetapkan undang-undang.

Peguam bela Anwar, Christopher Fernando, berkata walaupun mahkamah memakai standard bukti yang rendah, pendakwa masih gagal membuktikan kes prima facie (ada kes untuk dijawab) terhadap kedua-dua tertuduh.

"Pendakwa bertanggungjawab membuktikan kesnya mengatasi keraguan munasabah kerana kejadian itu berlaku sebelum pindaan Kanun Acara Jenayah berhubung standard bukti pada 1997," katanya.

Fernando mengemukakan hujah penutupan kes pendakwaan sebelum mahkamah memutuskan sama ada akan memanggil Anwar dan Sukma Darmawan untuk membela diri atau membebaskan kedua-dua tertuduh.

Menurut Fernando, kes pendakwaan bergantung kepada keterangan Azizan dan pendakwa tidak boleh menggunakan pengakuan Sukma Darmawan untuk mensabitkan kesalahan terhadap Anwar.

Katanya, pengakuan Sukma Darmawan itu hanya boleh digunakan terhadap Anwar jika pendakwa berjaya mengemukakan keterangan yang kuat untuk mensabitkan kesalahan bekas timbalan perdana menteri itu.

Bagaimanapun, katanya, setakat ini pendakwa gagal mengemukakan keterangan yang kuat, sebaliknya cuma keterangan yang lemah, bercanggah dan meragukan.

Fernando yang memulakan hujah jam 9 pagi hingga 3.30 petang, memberitahu mahkamah kes pendakwaan sudah gagal pada awal lagi berikutan tuduhan dipinda sebanyak dua kali.

Katanya, tuduhan pertama dipinda daripada "pada satu malam Mei 1994 kepada pada satu malam Mei 1992, diikuti pindaan kedua daripada "pada satu malam Mei 1992 kepada satu malam di antara Januari dan Mac 1993".

Beliau berkata pindaan itu dibuat selepas Azizan selesai memberi keterangan dalam perbicaraan kes rasuah Anwar dan mengatakan dia tidak diliwat Anwar selepas September 1992.

Katanya, pindaan kepada tarikh antara Januari hingga Mac 1993 itu juga menghairankan dan sukar dipercayai berdasarkan keterangan Azizan dalam perbicaraan lalu.

Fernando berhujah pindaan itu tidak boleh dipertahankan kerana pendakwa sudah mengakui pindaan itu dibuat selepas notis alibi diserahkan kepada pendakwa.

Sehubungan itu, katanya, pindaan tuduhan itu adalah palsu dan satu rekaan serta menjawab dakwaan pembela bahawa tuduhan itu adalah rekaan semata-mata.

Berhubung notis alibi, Fernando berhujah kegagalan pendakwa mengemukakan bukti rekod pergerakan Anwar sejak 1992 hingga 1997, memusnahkan kes pendakwaan sendiri.

Katanya, dakwaan yang tidak disokong dengan bukti akan menjadi dakwaan kosong jika saksi tidak dipanggil untuk mengesahkan semua dakwaan pergerakan Anwar.

Seorang lagi peguam bela Anwar, Karpal Singh yang menyambung hujah pembela memberitahu mahkamah bahawa kes pendakwaan tidak lengkap berikutan kegagalan memanggil Perdana Menteri Datuk Sri Dr Mahathir Mohamad dan bekas Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Rahim Noor memberi keterangan.

Katanya, pendakwa patut memanggil Dr Mahathir untuk memberi penjelasan

kerana beliau adalah orang pertama yang menerima aduan Azizan yang mendakwa dilawat Anwar.

Karpal berkata, Abdul Rahim pula perlu memberi penjelasan berhubung kenyataannya di akhbar bahawa dakwaan Azizan itu adalah tidak berasas sama sekali.

Perbicaraan di depan Hakim Datuk Ariffin Jaka bersambung esok.

(END)